



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

---

**PADA HARI RABU, 29 REJAB 1443 / 02 MAC 2022  
(HARI KEENAM)**

**1. DOA SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.1.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:
  - i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:
    - Ingin mengetahui dasar-dasar yang ada dan telah dirancang untuk mengawal *traffic congestion* dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang bersesuaian dengan sosioekonomi negara.
  - ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin Bin Haji Johari @ Jahari:
    - Ingin mengetahui jika pihak jabatan sudah mempunyai dan menggunakan sistem *Artificial Intelligence* (AI) yang mana dapat membantu

mempermudahkan urusan-urusan jabatan seperti proses lesen cukai jalan, lesen memandu dan lain-lain lagi.

- Menyoalkan jika AI ini digunapakai di jabatan-jabatan lain dalam kementerian.

iii. Yang Berhormat Awang Hanapi Bin Mohd Siput:

- Memohon penjelasan mengenai pemasangan menara baru yang terbiar di bangunan Stesen *Imagine* Mukim Labi yang dirancang pada tahun lepas namun masih belum dilaksanakan.
- Ingin mengetahui rancangan pembinaan menara DST di kawasan Teraja.
- Memohon pencerahan mengenai perkembangan hasil dalam percubaan dan pemasangan perkhidmatan *internet* yang telah di berhentikan di Sekolah Rendah Mukim Sukang dan Malilas.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

- Ingin mengetahui jika menara rumah api yang terletak di Kampong Lumut II masih beroperasi dan berfungsi secara aktif.
- Mencadangkan menara tersebut boleh dimanfaatkan sebagai salah satu destinasi menarik untuk lawatan-lawatan tertentu dan juga sebagai destinasi pembelajaran bagi para pelajar.

v. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:

- Ingin mengetahui tentang inisiatif-inisiatif pihak kementerian termasuk Jabatan Pengangkutan Darat untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam khususnya di Daerah Temburong.
- Ingin mengetahui tentang usaha bagi pengeluaran lesen memandu yang dikhaskan

bagi pemohon lesen memandu kenderaan automatik.

- Ingin mengetahui sejauh mana usaha pihak Kementerian bagi mewujudkan pusat pemeriksaan pemeriksaan kenderaan khususnya di Daerah Temburong.

vi. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:

- Mencadangkan agar pihak yang berkenaan mengambil tindakan terhadap pemandu jalan raya yang tidak berdisiplin dan melanggar peraturan sehingga boleh membahayakan nyawa dan membuat rondaan untuk menahan pemandu secara mengejut.
- Mencadangkan agar pemeriksaan kenderaan yang menggunakan khidmat syarikat swasta perlu dibuat dengan teliti agar kenderaan tersebut selamat digunakan selaras dengan kehendak Jabatan Pengangkutan Darat.
- Mencadangkan untuk membuat video pendek dengan kata-kata nasihat dan menyalurkannya ke *platform* media sosial untuk pemberitaan tentang kesedaran para pemandu.

vii. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:

- Mencadangkan untuk dasar kabel dan fizikal fiber diperluaskan sebagai *whole of infrastructure approach* untuk menambah *bandwidth connectivity*.
- Memohon pencerahan mengenai dengan kedudukan negara sebagai *multi-model gateway* ke BIMP-EAGA.

2.1.4. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kedua) menjawab soalan-soalan yang telah diajukan oleh beberapa orang Ahli Yang Dilantik mengenai beberapa perkara yang pernah diutarakan termasuk *digital payment* dan *payment gateway* untuk pembayaran antarabangsa.

- 2.1.5. Tajuk SN01A hingga tajuk SN09A – Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

## 2.2. **KEMENTERIAN TENAGA**

2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Tenaga iaitu Tajuk SQ01A hingga SQ02A.

2.2.2. Yang Berhormat Menteri Tenaga telah menyampaikan mukadimahya mengenai dengan anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Tenaga.

2.2.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga:

i. Yang Berhormat Awang Iswandy Bin Ahmad:

- Ingin mengetahui perkembangan bagi negara dalam melaksanakan penetapan harga karbon (*carbon pricing*) atau *carbon fund* bagi syarikat-syarikat dan penghasil- penghasil jejak karbon yang melebihi had dalam kemudahan industri, utiliti tenaga dan sebagainya.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin Bin Haji Johari @ Jahari:

- Ingin mengetahui jika Syarikat Hengyi mengeluarkan hasil *asphalt*.
- Ingin mengetahui perancangan pihak Kementerian dalam mendapatkan bekalan *asphalt* untuk kegunaan domestik.
- Mencadangkan sistem penilaian secara berbintang khususnya untuk kontraktor-kontraktor elektrik bagi menunjukkan standard perkhidmatan kontraktor berkenaan.

iii. Yang Berhormat Awang Naim Bin Haji Kamis:

- Ingin mengetahui jika COVID-19 telah memberi kesan kepada perkembangan tenaga solar di Negara Brunei Darussalam serta langkah-langkah yang telah diambil dalam mengatasi isu ini.

- iv. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:
- Ingin mengetahui usaha pihak Kementerian bagi memastikan tidak ada impak yang negatif terhadap alam persekitaran di Pulau Muara Besar.
  - Ingin mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membendung impak pandemik COVID-19 keatas operasi harian loji dan produktivitinya.
  - Ingin mengetahui langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan rakyat dan penduduk yang tinggal di Mukim Serasa dan kampung-kampung di sekitarnya agar tidak terdedah dengan bahaya dan penularan wabak COVID-19.
  - Ingin mengetahui jika pencurian kabel elektrik masih berlaku dan menyoalkan perancangan dan cegahan yang sudah dirancang namun belum dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

2.2.4. Tajuk SQ01A hingga tajuk SQ02A – Kementerian Tenaga telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.3. **KEMAJUAN**

2.3.1. Jawatankuasa telah menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan iaitu Tajuk SP01A.

2.3.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Menteri Pembangunan; Menteri Hal Ehwal Ugama.

i. Yang Berhormat Awang Iswandy Bin Ahmad:

- Ingin mengetahui jika peruntukan Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) masih perlu *standalone*.

- Mencadangkan agar operasi PPK ini dijalankan di bawah program IBTE atau *Lifelong Learning Centre*.
- ii. Yang Berhormat Dayang Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman:
- Ingin mengetahui tentang jumlah projek-projek dari RKN-11 yang belum disiapkan untuk dibawa ke hadapan ke RKN-12 nanti.
  - Memohon pencerahan tentang proses pelaksanaan projek-projek yang masih memakan masa yang lama untuk diselesaikan.
  - Ingin mengetahui status 7 projek di dalam RKN-11 yang dilaksanakan melalui pembiayaan *alternative financing*.
  - Mencadangkan supaya sekolah-sekolah boleh meneroka pilihan lain atau pun *alternative financing* seperti menerapkan atau mengintegrasikan *facilities* seperti Dewan Serbaguna, Fasiliti sukan terbuka, '*daycare facilities*' atau '*nursery*' bagi membukakan peluang untuk bekerjasama dengan pihak swasta melalui program *PPP*.
  - Menyarankan bagi projek gabungan di antara Kementerian Pembangunan dan Kementerian Tenaga seperti Projek Perumahan Negara untuk menyediakan *solar panels* di atas bumbung-bumbung perumahan dan bangunan-bangunan baharu secara berfasa.

2.3.3. Tajuk SP01A - Kemajuan telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.4. **TAJUK BAB 1 - GELARAN PENDEK DAN PERMULAAN KUATKUASA AKTA**

2.4.1. Akta ini digelar Akta Perbekalan (2022), 2022/2023 dan akan mula berjalan berkuatkuasa pada 1 April 2022.

2.4.2. Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA 03 MAC 2022 JAM 9.30 PAGI]**

---